

Headline	FAMA giat promosi hasil pertanian		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	23 Feb 2020	Circulation	140,000
Section	Selangor & KL	Readership	420,000
Page No	32	ArticleSize	351 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 7,441
Journalist	NOR FARHANA YAACOB	PR Value	RM 22,324
Frequency	Daily		



FAMA giat promosi hasil pertanian

Elak lambakan musang king akibat sekatan eksport ke China susulan Covid-19

Oleh NOR FARHANA YAACOB

ALOR GAJAH

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan merancakkan promosi hasil pertanian ke seluruh negara bagi mengelakkan lambakan buah-buahan seperti durian musang king berikutan sekatan eksport ke China susulan koronavirus (Covid -19).

Pengerusi FAMA, Ishak Ismail berkata, antaranya dengan membawa musang king serta hasil pertanian segar lain ke beberapa program anjuran FAMA dan kawasan tumpuan orang ramai seperti pasar tani atau Bazar Peduli Rakyat (BPR) memandangkan buah itu sentiasa mendapat perminatan tinggi di pasaran domestik.

“FAMA juga akan membuat jualan premium durian musang king di hotel-hotel bagi mengekang harga buah itu daripada terus mengalami penurunan di pasaran memandangkan harga semasanya kini telah menurun sehingga RM50 sekilogram berbanding harga sebelum ini antara RM70 dan RM80 sekilogram,” katanya kepada pemberita selepas program Bazar Peduli Rakyat (BPR)



Ishak (dua dari kanan) dan Sofi (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada penerima program Bazar Peduli Rakyat di pekarangan Kompleks Japerun, Durian Tunggal semalam.

yang disempurnakan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal, Datuk Sofi Ab Wahab di pekarangan Kompleks Japerun Durian Tunggal, di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi FAMA negeri, Samudin Hassan, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, Datuk Mazlan Aliman dan Setiausaha Sulit Ketua Menteri, Yuhaizad Abdullah.

Katanya, penurunan harga musang king dijangka terus berlaku antara RM48 hingga RM45 sekilogram, bagaimanapun beliau percaya penurunan itu tidak sampai menjelaskan petani memandangkan eksport ke Singapura masih berjalan.

Ishak berkata, FAMA juga akan menganjurkan kempen berbuka puasa dengan buah harum manis sem-

pena Ramadan bagi mengelak lambakan berlaku kerana pengeluaran hasil dijangka bermula pada April hingga Jun ini seperti tahun lalu.

Dalam perkembangan lain, Ishak berkata, BPR akan diteruskan dengan menyasarkan 10 kawasan baharu sepanjang tahun ini melibatkan jumlah sumbangan RM28,000 untuk golongan kurang bernasib baik.

“Secara tidak langsung ia memberi peluang kepada pengunjung menyalurkan sumbangan bahan mentah serta sumber segar melalui Kaunter My Food For Ummah (MFFU),” katanya.

Ishak turut mengumumkan harga jualan murah RM6 bagi seekor ayam dan RM5 sepaket ikan sejuk beku di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pada program itu.